

Analisis Perbandingan Konsep Perkahwinan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syiah

Comparative Analysis of ASWAJA and Shia Marriage Concepts

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah¹, Aminudin Basir @Ahmad², Muhammad Yosef Niteh³, Syamim Zakwan Rosman⁴, & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin⁵ *

¹ Department of Islamic Thought, Centre of Core Studies, Islamic University of Selangor, 43000, Malaysia, mfairooz@kuis.edu.my, 0193833407.

² Pusat Pengajian Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Malaysia, Manhaj@ukm.edu.my, 0169018314.

³ Department of Islamic Thought, Centre of Core Studies, Islamic University of Selangor, 43000, Malaysia, myosef@kuis.edu.my, 0123610653.

⁴ Department of Islamic Thought, Centre of Core Studies, Islamic University of Selangor, 43000, Malaysia, syamimzakwan@kuis.edu.my, 0196699177.

⁵ Department of al-Quran & al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Islamic University of Selangor, 43000, Malaysia, nurfurqanrazi92@gmail.com, 01128304789.

* Corresponding Author: Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. Department of al-Quran & al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Islamic University of Selangor, 43000, Malaysia, nurfurqanrazi92@gmail.com, 01128304789, ORCID iD: razidin.

ABSTRACT

Marriage in Islam is very important and being a sunnah for all Muslims is aimed at bringing the ummah of the Prophet Muhammad PBUH. However, it is clear that the concept and culture of a marriage is different in every race, country and religion. In this regard, this study looks at the very different concepts between the Shia flow and the Sunnah wa jama'ah in the matter of marriage and its importance. Therefore, the main objective of this study is to compare the concept of marriage according to the perspective of Shia and ASWAJA. Using the qualitative method, this study found that there are many differences in the concept of marriage between Shia and ASWAJA. Various evidences and arguments will be discussed in detail in this study, to see the concept of marriage through the true path of Islam based on the principles of the Quran and the hadith of the Prophet PBUH. In conclusion, marriage is a very noble relationship with Allah SWT, therefore it is hoped that this study will see the true veil of the goals and concepts of marriage.

Keywords: *Marriage; Syiah; ASWAJA; Perbandingan; Al-Quran & Al-Sunnah.*

ABSTRAK

Perkahwinan dalam Islam merupakan sesuatu yang sangat penting dan menjadi sunnah kepada seluruh umat Islam bertujuan untuk meramaikan umat Nabi Muhammad SAW. Namun, jelas konsep dan budaya sesuatu perkahwinan itu berbeza pada setiap bangsa, negara dan agama. Dalam hal ini, kajian ini melihat terdapat konsep yang sangat berbeza di antara aliran syiah dan ahli sunnah wa jama'ah di dalam hal perkahwinan dan kepentingannya. Oleh itu, matlamat utama kajian ini adalah untuk membandingkan konsep perkahwinan menurut perspektif syiah dan ahli sunnah wal jamaah. Dengan menggunakan metode kualitatif kajian ini mendapati terdapat banyak perbezaan konsep perkahwinan di antara syiah dan ahli sunnah wal jamaah. Pelbagai dalil dan hujah akan dibincangkan secara terperinci dalam kajian ini, bagi melihat konsep perkahwinan melalui jalan Islam yang sebenar berdasarkan prinsip al-Quran dan hadis Nabi SAW. Kesimpulannya, perkahwinan adalah sebuah hubungan yang sangat mulia di sisi Allah SWT, justeru itu diharapkan kajian ini dapat melihat tabir sebenar matlamat dan konsep perkahwinan.

Kata Kunci: Perkahwinan; Syiah; Ahli Sunnah Wal Jamaah; Perbandingan; Al-Quran & Al-Sunnah.

Received: March 13, 2023

Accepted: April 03, 2023

Online Published: May 30, 2023

1. Pendahuluan

Perkahwinan merupakan instrumen preliminari/primer kepada pembinaan keluarga sebagai unit asas dan tunjang sesebuah masyarakat. Perkahwinan juga dianggap sebagai langkah permulaan kepada pembentukan keluarga. Secara tradisinya setiap pasangan individu yang ingin memulakan dan membina sebuah keluarga bersama perlu melalui peringkat perkahwinan.

Malah perkahwinan di dalam islam adalah sebuah tuntutan dari Allah SWT, berikut firman Allah SWT dalam surah ar-rum ayat 21 yang bermaksud:

Dan di antara tanda-tanda (KekuasaanNya) ialah bahawa Dia menciptakan jodoh untuk kamu daripada diri kamu(bangsa kamu) supaya kamu bersenang-senang kepadanya, dan Dia (Allah) mewujudkan sesame kamu kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya tentang demikian itu menjadi tanda bagi kaum yang memikirkan.

Di samping suruhan dan galakan terus melalui firman Allah dalam al-Quran, terdapat banyak hadith Rasulullah SAW yang turut menerangkan galakan berkahwin ke atas umatnya. Antaranya daripada 'Abdullah bin Mas'ud, sabda Rasulullah SAW, mafhumnya:

Wahai para pemuda, sesiapa yang berupaya di kalangan kamu untuk berkahwin, maka hendaklah ia berkahwin sebab perkahwinan itu lebih menundukkan pandangan dan lebih menjaga kehormatan. Dan barangsiapa yang tidak berkemampuan, hendaklah ia berpuasa kerana puasa itu menjadi perisai baginya.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Bab Man Lam Yastati' al-Ba'ah Falyasum, no. hadis 4779]

Hadis di atas menyarankan kepada pemuda dan pemudi yang berkemampuan dari segi zahir dan batin supaya berkahwin. Bagi mereka yang tidak berkemampuan pula

digalakkan supaya berpuasa kerana puasa akan dapat menjadi pendinding atau perisai bagi mengelakkan individu tersebut daripada melakukan perbuatan maksiat, apalagi perbuatan zina yang dilaknat Allah SWT.

Justeru, kajian ini akan melihat kepada perbezaan dan perbandingan di antara konteks perkahwinan yang dibawakan oleh Sunni dan Syiah. Ianya akan memberi pencerahan dan pilihan agar masyarakat jelas tentang *turuq* yang terbaik dalam mencapai Sunnah Nabi SAW iaitu perkahwinan.

2. Perkahwinan menurut Syiah

Nikah mut'ah dari sudut bahasa mut'ah merujuk kepada perkataan dari bahasa arab iaitu *al-Tamattu'* yang membawa maksud bersenang-senang. Dan menurut Istilah perkahwinan yang dilakukan untuk waktu tertentu dengan memberikan sesuatu sesuai dengan kesepakatan dan berakhir dengan waktu tertentu tanpa talak.

Nikah mut'ah merupakan nikah yang dilakukan pada waktu tertentu dan ianya bersifat sementara. Nikah *mut'ah* juga disebut dengan '*Ziwaj Muaqqat*' dan '*Ziwah Munqathi*' bermaksud pernikahan yang ditentukan untuk waktu tertentu, atau perkahwinan yang diputuskan. Pada waktu tertentu itu seseorang dapat bersenang-senang melampiaskan nafsu syahwatnya terhadap pasangan itu tadi dan jika masa telah selesai dengan sendirinya hubungan itu terpisah tanpa ada kata talak dan tanpa warisan (Rahman Ghazali, 2003).

Perkahwinan ini diberi nama mut'ah kerana matlamat pernikahan ini hanyalah untuk memuaskan nafsu seksual dan bukanlah bertujuan untuk mendapatkan zuriat atau lain-lain tujuan dari maksud perkahwinan yang dikehendaki oleh Islam itu sendiri kepada umatnya. Di samping itu, konsep nikah mut'ah tidak memerlukan wali atau saksi kepada pernikahan tersebut, malah hanya membuat kesepakatan mahar dan menentukan batas waktu perkahwinan. Contohnya, kebiasaan nikah mut'ah tidak lebih dari empat puluh lima hari dan tidak ada nafkah, tidak saling mewariskan, dan tidak ada iddah kecuali istibra' (iaitu satu kali haid bagi wanita monopouse, dua kali haid bagi wanita biasa, dan empat bulan sepuluh hari bagi yang suaminya meninggal).

Rukun nikah yang dianjurkan oleh Islam adalah lima perkara, namun bagi syiah Imamah rukun nikah mut'ah hanya ada empat: shigah (ucapan) '*Aku nikahi engkau*' atau *Aku mut'ahkan engkau*', calon isteri diutamakan dari wanita muslimah atau kitabiah, mahar dengan syarat saling rela walaupun hanya segenggam gandum dan jangka waktunya ditentukan (al-Huliy, 1977).

Setelah tamat tempoh yang ditentukan, akad nikah mut'ah dapat diperbahruikan sekiranya semua syarat dipenuhi. Kedua-dua pihak menunggu sehingga selesainya tempoh akad nikah mut'ah, kemudian bersepakat untuk melakukan akad yang baru. Lelaki berkenaan boleh menghibahkan wanita itu sisa akad dan membebaskannya daripada pelbagai kewajipan yang harus wanita itu lakukan untuknya. Setelah itu, melakukan kesepakatan bagi melakukan akad pernikahan mut'ah yang baru ataupun akad nikah kekal. Dalam semua keadaan ini, wanita tidak diwajibkan menjalani tempoh iddah kerana akad yang baru dilakukan sejeurus akad yang lama dihentikan dengan lelaki yang sama (al-Huliy, t.t).

Berikut adalah dalil kepada nikah mut'ah menurut ajaran syiah, mut'ah sangat dituntut seperti nukilan dari al-Hur al-Amili dalam al-Wasail juz 21 halaman 1 yang bermaksud:

Tidak ada lelaki yang bermut'ah kemudian dia mandi melainkan Allah SWT mencipta bagi setiap titisan yang menitis daripadanya tujuh puluh orang malaikat, mereka akan beristighfar untuknya sehingga hari kiamat dan akan melaknat orang yang menjauhkan dirinya dari mut'ah hingga kiamat.

Di samping itu, syiah juga meriwayatkan tentang besarnya fadhilat nikah mut'ah: *'Barangsiapa yang bermut'ah sekali maka darjatnya seperti darjat Saidina Husin RA, barangsiapa bermut'ah dua kali maka darjatnya seumpama darjat Saidna Hasan RA, barangsiapa yang bermut'ah tiga kali darjatnya seumpama Saidnia Ali RA dan barangsiapa yang bermut'ah sebanyak empat kali maka darjatnya seumpama darjatku* (Tafsir Manhaj Asshadiqin Fathullah Al-Kasyani).

Terdapat empat jenis nikah mut'ah yang dikenali di Iran, antaranya:

a. Nikah mut'ah untuk tujuan seks

Menurut sudut pandang fiqh syiah, seorang lelaki melakukan akad nikah mut'ah bertujuan mendapatkan kepuasan seksual dan faktor yang mendorong wanita melakukan nikah mut'ah adalah material (Taqiyyul Hakim, 1963). Ayatollah Tabataba'i seorang fuqaha syiah Imamah melihat pernikahan kekal tidak cukup bagi memenuhi keinginan dan keperluan seksual sebahagian lelaki, kerana perbuatan fasik dan zina adalah dua racun paling berbahaya dalam merosakkan sistem kehidupan manusia, maka syiah membolehkan nikah mut'ah mengikut syarat-syarat tertentu.

b. Nikah mut'ah untuk percubaan

Ayatollah Muttahhari fuqaha syiah Imamah berpendapat dorongan seksual secara biologi dalam kalangan orang muda adalah perkara semula jadi dan dorongan itu harus dipenuhi. Justeru nikah mut'ah untuk tempoh tertentu percubaan untuk saling mengenali, sekiranya keduanya serasi boleh meneruskan perkahwinan kepada status kekal, dan sekiranya tidak serasi boleh berpisah (Shahla Hairi, 1996).

c. Nikah mut'ah berkelompok

Akad inilah yang dilakukan oleh seorang wanita dengan sebilangan lelaki melalui cara berantai. Dengan cara bergilir dari satu lelaki kepada lelaki yang berikutnya. Kadangkala nikah mut'ah berkelompok ini mengambil masa bergiliran yang tidak melebihi beberapa jam (Shahla Hairi, 1996).

d. Nikah mut'ah bagi menghapuskan dosa

Satu daripada langkah yang diambil oleh kerajaan Iran bagi menghapuskan tempat-tempat pelacuran di kota Tehran yang terkenal dengan nama cahaya merah. Pihak kerajaan menangkap, memenjarakan dan menghukum mati wanita yang bermukim di tempat tersebut. Wanita yang hidup ditempatkan di pusat pemulihan dan puncak kepada kejayaan pemulihan tersebut ialah para wanita itu perlu bernikah mut'ah sebagai penebus dosa dengan tentera Iran yang pulang dari peperangan, malah sebahagiannya dipaksa bernikah mut'ah (Shahla Hairi, 1996).

3. Perkahwinan menurut ASWJ

Pelbagai definisi tentang perkahwinan telah diberikan oleh para sarjana (ulama) Islam, antara yang terpilih ialah; Suatu akad yang menghalalkan pergaulan di antara seorang lelaki dengan

seorang perempuan yang bukan muhrim dan menimbulkan hak serta kewajiban antara kedua-dua mereka (Mat Saad Abd Rahman, 1993). Nikah dari segi bahasa diertikan juga sebagai menindas, setubuh dan senggama (A. W. Munawwir, 2002).

Di kalangan ulama usul berkembang tiga macam pendapat tentang erti lafaz nikah; Menurut golongan Hanafi nikah menurut asalnya adalah setubuh dan menurut erti majazi (metaforis) adalah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan Manakala menurut golongan Syafi'e pula nikah menurut erti asalnya ialah akad yang dengan akad ini menjadi halal hubungan kelamin antara lelaki dan perempuan, sedangkan menurut erti majazi ialah bersetubuh (Abd Rahman al-Jaziri, t.t).

Perkahwinan juga bukanlah setakat akad sivil untuk memiliki sesuatu seperti akad jual-beli malah ia merupakan akad yang menghalalkan pergaulan di antara lelaki dan perempuan (Abdul Rahman, 1972). Maka atas dasar tersebut Profesor Muhammad Abu Zuhrah pula mentakrifkan perkahwinan sebagai satu kontrak yang menghalalkan pergaulan seorang lelaki dengan seorang perempuan yang boleh menolong antara satu sama lain serta menentukan hak dan kewajiban masing-masing (Abu Zuhrah, 1957).

Sesuatu perkahwinan tidak akan berlaku menurut undang-undang Islam tanpa berasaskan beberapa perkara penting yang diistilahkan oleh para ulama sebagai rukun-rukun perkahwinan. Tanpa sebahagian atau salah satunya maka perkahwinan tidak akan wujud (Undang-undang keluarga Islam, 1984).

Menurut jumbuh ulama, akad nikah tersusun pada lima rukun yang mengesahkan nikah tersebut, iaitu: lelaki, perempuan, wali, dua orang saksi dan lafaz akad". Kata Imam Malik: Rukun nikah lima iaitu: wali, mas kahwin (namun tidak disyaratkan menyebutnya dalam akad, suami, isteri dan lafaz akad. Para ulama' Hanafiyah pula berpendapat bahawa rukun nikah itu hanya tiga. Iaitu; Ijab, Kabul, dan perpautan antara keduanya. (antara ijab dengan kabul itu) (Teungku Muhammad, 1997).

Setiap rukun di atas diikat dengan beberapa syarat tertentu agar segalagalanya berlaku dengan sempurna. Di situlah letaknya perbezaan antara rukun dan syarat, yang mana syarat merupakan sesuatu yang mesti ada dalam perkahwinan tetapi tidak termasuk salah-satu bahagian daripada hakikat perkahwinan, misalnya syarat wali iatu lelaki, baligh, berakal dan lain-lain.

4. Konsep perkahwinan dan perbandingan

4.1 Hukum Nikah Mut'ah menurut Sunni

Pernikahan seperti konsep *mut'ah* telah disepakati oleh para ulama dan imam madzhab dari kalangan Sunnah sebagai sesuatu yang hukumnya haram. Mereka berkata, "*Apabila hal itu dilangsungkan, dianggap bathil atau tidak sah*". Golongan ahli hukum yang memandang haram nikah *mut'ah* secara mutlak adalah terdiri dari kalangan sahabat, diantaranya Ibnu Umar dan Ibnu Abi Umrah Al-Anshari, sedangkan dari golongan tabi'in diantaranya Abu Hanifah, Malik, dan dari golongan tabi'i tabi'in seperti Syafi'i dan lainnya. Golongan yang mengharamkan nikah *mut'ah* ini berpedoman pada fiqh perbandingan berdasarkan surat al-Mukminun ayat 5 dan 6:

"Mereka (orang-orang yang beruntung) adalah orang-orang yang menjaga kemaluan mereka. Kecuali kepada pasangan atau hamba sahaya yang mereka miliki maka sesungguhnya mereka tidak tercela.

Ayat ini menjelaskan hubungan kelamin hanya diperbolehkan dengan isteri atau budak yang mereka miliki, sedangkan isteri dari perkawinan *mut'ah* tidak berfungsi sebagai isteri kerana hal tersebut:

- a. Tidak saling mewarisi, sedangkan akad nikah menjadi sebab memperoleh harta warisan.
- b. *Iddah mut'ah* tidak seperti *iddah* nikah biasa.
- c. Dengan akad nikah menjadi kurangnya hak seseorang dalam hubungannya dengan beristeri empat, sedangkan tidak demikian halnya dengan *mut'ah*.
- d. Dengan pernikahan *mut'ah* seorang itu tidak dianggap menjadi *mukhsin*, kerana wanita yang dinikahi dengan jalan *mut'ah* tidak berfungsi sebagai isteri dan tidak pula berstatus sebagai budak yang dimiliki.
- e. *Mut'ah* hanya bertujuan untuk melampiaskan syahwat semata-mata. Tidak ada tujuan mendapatkan anak serta mendidik mereka, sedangkan itulah tujuan utama dalam perkawinan. Maka ia lebih menyerupai perzinahan dalam hal mencari kepuasan syahwat semata-mata. Selain itu, *mut'ah* merugikan pihak wanita, sebab ia menjadi bagaikan barang dagangan yang berpindah-pindah dari tangan yang satu ke tangan yang lain.

4.2 Hukum Nikah Mut'ah menurut Syiah

Mazhab Syiah Imamiyah (*ithna' asyar*) mengiktiraf akad nikah *mut'ah* sebagai sah. Manakala mazhab sunni (Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali) dan mazhab Syiah Fatimiyah, Zaidiyah dan Ismailiyah sebaliknya mengatakan akad nikah *mut'ah* adalah tidak sah. Syi'ah menghalalkan nikah *mut'ah* secara mutlak dengan bersandar pada firman Allah SWT dalam surat al-Nisa' ayat 24:

Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu. Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara bernikah, bukan secara berzina. Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah dia menjadi isteri kamu), maka berikanlah kepada mereka maskahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah). Dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan maskahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Menurut Syi'ah, seandainya ayat dalam surat al-Nisa' ayat 24 di atas juga untuk menerangkan tentang perkawinan kekal, maka dengan demikian telah terjadi pengulangan suatu hukum dalam surah yang satu. Sebaliknya, jika ayat 24 al-Nisa' dimaksudkan untuk penjelasan tentang syari'at nikah *mut'ah*, maka hal itu merupakan penjelasan tentang sesuatu yang baru (jenis pernikahan yang berbeza dengan jenis pernikahan kekal). Sehingga dapat dikatakan bahawa dalam surah al-Nisa' terdapat penjelasan tentang pernikahan kekal, pernikahan berdasarkan pemilikan hamba sahaya, dan pernikahan *mut'ah*.

Adapun dalil hadis yang dapat dibuktikan tentang kehalalaan pernikahan mut'ah telah disebutkan banyak sekali dalam Shahih Bukhari dan Muslim. Muslim dalam Shahihnya telah merawikan sebuah hadis dari Jabir bin Abdullah dan Salamah bin Akwa, bahawa mereka berkata, "Seorang yang ditugasi oleh Rasulullah saw muncul di hadapan kami seraya berseru: *"Sesungguhnya Rasulullah SAW telah mengizinkan kalian untuk bermut'ah"*.

Dari Atha' berkata: "Jabir bin Abdullah tiba (di kota Mekkah) guna menunaikan ibadah umrah. Maka kami mendatanginya di tempat ia menginap. Beberapa orang dari kami bertanya tentang berbagai hal sampai akhirnya mereka menanyainya tentang *mut'ah*. Ia menjawab, *"Ya, memang kami pernah melakukannya di masa hidup Rasulullah SAW, dan di masa Abu Bakar dan Umar."*

Syarafuddin Al-Musawi, seorang ulama Syi'ah kontemporer mengatakan bahawa larangan *mut'ah* jelas tidak datang dari Allah dan Rasulnya, tetapi dari Umar, disebabkan suatu peristiwa berkenaan dengan Amr bin Huraitis. Menurutnya, pernikahan *mut'ah* adalah halal untuk selama-lamanya berdasarkan pendapat para Imam Dua Belas dari kalangan Ahlul-Bait, serta adanya *ijma'* kaum muslim, bahawa para sahabat Nabi biasa melakukan *mut'ah* pada masa Nabi SAW dan Abu Bakar, serta sebagian masa Umar.

4.3 Talak menurut Sunni

Secara etimologis, talak berarti melepas ikatan talak berasal dari kata *itlaq* yang berarti melepaskan atau meninggalkan (Abu Malik Kamal, 2007). Lafaz *itlaq* (melepaskan) digunakan pada meleraikan ikatan perkawinan atau meleraikan akad perkawinan dengan lafaz talak dan sebagainya yaitu merombak ikatan perkawinan pada keadaan segera pada masa akan datang dengan lafaz khusus (Wahbah Zuhaily, 2001). Hukum-hukum talak adalah sebagai berikut:

- a. Wajib jika terjadi konflik antara pasangan suami isteri, hakim menugaskan dua orang pengantara untuk menilai situasi konflik tersebut. Kemudian, kedua pengantara itu mencadangkan bahawa sepasang suami isteri tersebut harus bercerai. Maka suami harus menceraikan isterinya.
- b. Sunnah seorang suami dianjurkan untuk melakukan talak dalam situasi isterinya kerap tidak menjalankan ibadah-ibadah wajib, seperti solat wajib, serta tidak ada kemungkinan memaksa isterinya itu melakukan kewajiban-kewajiban tersebut. Talak juga sunnah dilakukan ketika isteri tidak menjaga diri dari perbuatan-perbuatan maksiat.
- c. Mubah, talak boleh dilakukan dalam keadaan ketika suami memiliki isteri yang buruk perangainya, kasar tingkah lakunya, atau tidak diharapkan menjadi pasangan yang baik untuk mencapai tujuan-tujuan pernikahan. Makruh bila dilakukan tanpa alasan yang kuat atau ketika hubungan suami isteri baik-baik saja.
- d. Haram apabila seorang istrei di ceraikan dalam keadaan haid, atau keadaan suci dalam keadaan ketika ia telah disetubuhi didalam masa suci tersebut (Abu Malik Kamal, 2007).

Putusnya perkawinan dengan sebab-sebab yang dapat dibenarkan itu dapat terjadi dalam dua keadaan:

- a. Kematian salah satu pasangan
- b. Putus akibat perceraian

Permasalahan perceraian atau talak dalam hukum Islam (sunni) dibolehkan dan diatur dalam dua sumber hukum Islam, iaitu al-Quran dan hadis. Sumber-sumber dasar hukum seperti dalam surat al- Baqarah ayat 231 disebutkan bahwa:

Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu sampai (akhir) idahnya, maka tahanlah mereka dengan cara yang baik, atau ceraikanlah mereka dengan cara yang baik (pula). Dan janganlah kamu tahan mereka dengan maksud jahat untuk menzalimi mereka. Barangsiapa melakukan demikian, maka dia telah menzalimi dirinya sendiri. Dan janganlah kamu jadikan ayat-ayat Allah sebagai bahan ejekan. Ingatlah nikmat Allah kepada kamu, dan apa yang telah diturunkan Allah kepada kamu yaitu Kitab (Al-Qur'an) dan Hikmah (Sunnah), untuk memberi pengajaran kepadamu. Dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

Hadis Rasulullah SAW bahawa talak atau perceraian adalah perbuatan yang halal yang paling dibenci oleh Allah seperti hadis Nabi dibawah ini yang mafhumnya: Dari Ibnu Umar, bahawa Rasulullah SAW bersabda: *“Perbuatan halal yang sangat dibenci oleh Allah Azza wa Jalla adalah talak”*. (Hadis Riwayat Abu Daud, Sunan Abu Daud)

Secara tidak langsung, Islam membolehkan perceraian namun di sisi lain juga mengharapkan agar proses perceraian tidak dilakukan oleh pasangan suami isteri.

4.4 Talak menurut Syiah

Pembatalan nikah mut'ah tidak memerlukan kalimah talak daripada suami. Pembatalannya berlaku secara automatik hanya dengan sebab habisnya tempoh yang sudah disepakati. Suami juga memiliki hak membatalkan nikah mut'ah daripada satu pihak sahaja, berdasarkan kepada haknya menceraikan isteri yang disebutkan di dalam al-Quran. Nikah mut'ah tidak memerlukan saksi ketika di penghujungnya, kerana tidak ada ucap dan lafaz talak. Oleh itu, perkara ini boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja di atas kuasa suami. Di dalam konteks syiah, pembatalan nikah mut'ah boleh dilakukan di saat isteri sedang dalam keadaan haid dan suami berhak membatalkan nikah mut'ah sekiranya berlaku kecacatan yang menimpa isteri, sebagai contoh hilang sebahagian anggota tubuh atau hilang deria pada panca indera seperti buta (al-Huliy, 1977).

Konsep pembatalan nikah mut'ah adalah perpindahan batin (abadi) yang menjadikan suami tidak lagi memiliki hak mengahwini isteri secara mut'ah. Isteri yang dinikahi secara mut'ah tidak memiliki hak melakukan fasakh (pembatalan) perkahwinan ketika suami mengalami kecacatan jasmani, dalam bahasa yang mudah isteri dianggap sebagai objek sewaan dan tujuan pernikahan bagi memuaskan nafsu syahwat (Sayyid Husayn Imami, 1974).

Di samping itu, isteri yang menolak melakukan hubungan seksual bersama suaminya yang dinikahi secara mut'ah wajib membayar pampasan kepada suami akibat

penolakannya dengan jumlah yang sesuai, ini berbalik kepada konsep isteri sewaan, maka jika isteri menolak suami yang menyewanya maka isteri perlu membayar pampasan atau denda. Oleh itu, isteri perlu membayar separuh dari jumlah keseluruhan upah yang sudah diberikan oleh suami kepadanya (al-Hulliy, t.t).

4.5 Iddah menurut Sunni

al-'Iddah dalam bahasa Arab berasal dari kata *'adda ya'uddu 'iddatan* dan jamaknya *'idad* yang ertinya menghitung atau hitungan (Amir Syarifuddin, 2006). Sedangkan *al-'iddah* secara istilah adalah masa menanti yang diwajibkan atas perempuan yang diceraikan suaminya (cerai hidup atau cerai mati) untuk mengetahui kandungannya berisi atau tidak (Sulaiman Rasjid, 1997). Para ulama Mazhab sepakat atas wajibnya *al-'Iddah* sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 228 yang bermaksud:

Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru. Tidak boleh mereka menyembunyikan apa yang diciptakan Allah dalam rahimnya.

Dan sabda Nabi Muhammad saw kepada Fatimah binti Qays, *“Ber'iddahlah engkau dirumah Ibn Umni Maktum.”*

Selain *al-'Iddah* talak, para ulama mazhab pun sepakat akan *iddah* bagi wanita yang ditinggal mati suaminya sedangkan dia tidak hamil adalah empat bulan sepuluh hari, baik wanita tersebut sudah dewasa maupun kanak-kanak, dalam masa *menopause* atau tidak, sudah dicampuri atau belum (Muhammad Jawad Mughniyah, 2004), ini berdasarkan firman Allah SWT:

“Dan orang-orang yang meninggal dunia diantara mu dengan meninggalkan istri-istri (hendaklah para istri itu) menanggukkan dirinya (beriddah) empat bulan sepuluh hari...” (Surah al-Baqarah: 234).

Di dalam tafsir Ibnu Katsir diterangkan bahwa *iddah* bagi wanita yang ditinggal suaminya sudah dipergauli atau belum yaitu empat bulan sepuluh hari, kecuali wanita yang ditinggal mati suaminya dan ia dalam keadaan hamil. Maka masa *al-'Iddah* nya sampai ia melahirkan, walaupun jarak kematian suami dan kelahiran anaknya hanya sebentar. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 4:

“... dan perempuan-perempuan yang hamil, waktu „iddah mereka itu ialah sampai mereka melahirkan kandungannya...”

Menurut mazhab Sunni, yakni mazhab Maliki, Hambali, Syafi'i, dan Hanafi mengatakan *iddah* bagi wanita hamil yang ditinggal mati suaminya adalah sampai ia melahirkan bayinya, sekalipun hanya beberapa saat setelah ia ditinggal mati oleh suaminya itu, dimana dia sudah boleh kahwin lagi sesudah lepas kehamilannya (Muhammad Jawad Mughniyah, 2004).

4.6 Iddah menurut Syiah

Wanita yang baru sahaja terpisah daripada suami yang menikahinya secara mut'ah tidak dibolehkan melakukan hubungan seks. Tempoh masa ini dinamakan sebagai tempoh *iddah*. Tempoh *iddah* adalah satu daripada bahagian yang menyerupai konsep pernikahan kekal. Tetapi, tempoh *iddah* nikah mut'ah lebih singkat berbanding dengan nikah kekal.

Tempoh iddah dalam nikah mut'ah sebanyak dua kali haid secara berturut-turut khusus untuk wanita yang masih mengalami haid (al-Khomeine, 1977). Sedangkan tempoh iddah wanita yang bernikah mut'ah dan hamil adalah sehingga dia melahirkan. Maksimal tempoh iddah untuk wanita yang menjadi janda akibat kematian suami adalah empat bulan 10 hari. Ulama syiah menyatakan kewajipan iddah adalah untuk menentukan kehamilan dan nasab anak, namun mengapakah tempoh iddah nikah mut'ah lebih singkat berbanding tempoh iddah nikah kekal.

Oleh itu, ulama syiah menjawab persoalan tersebut dengan menyatakan bahawa wujud perbezaan kedudukan di antara nikah kekal dan nikah mut'ah. Menurut syiah kedudukan pernikahan kekal memiliki penghargaan yang lebih tinggi berbanding nikah mut'ah. Pakar fiqh syiah moden Muhsin Shafa'I berpendapat perkahwinan mut'ah tidak memiliki hak merujuk isteri sama seperti tidak memiliki hak meminta nafkah dalam tempoh iddah (Khomeine, 1977).

Berikut adalah konsep yang diperkenalkan dan dipromosi di dalam nikah mut'ah:

Rajah 1: Konsep Nikah Mut'ah



5. Rumusan

Kesimpulannya, terdapat jurang perbezaan yang besar pernikahan di antara ASWJ dan syiah. Syiah yang mengakui sebagai penganut beragama Islam telah mempromosikan nikah mut'ah pada masyarakat dunia yang beragama Islam. Nikah mut'ah menurut pengkaji dalam kajian ini akan memberi impak yang sangat besar dalam diri, keluarga dan masyarakat umumnya. Kerana dapat difahami secara kasar bahawa nikah mut'ah adalah sekadar lesen untuk menghalalkan hubungan yang haram di sisi Islam. Malah, apabila dilihat dengan lebih mendalam tidak wujud hak dan perwarisan dalam pernikahan mutah, sehingga suami mempunyai kuasa dan hak sepenuhnya terhadap isteri, seolah-olah menidakkan hak-hak kemanusiaan. Apatah lagi konsep nikah mut'ah berkelompok yang berdurasi jam atau hari memperlihatkan konsep yang sama dengan pelacuran. Persoalannya, adakah nikah mut'ah ini hanya sekadar untuk memenuhi keperluan biologi sebagai manusia? Sedangkan setiap perkara yang dilakukan di atas dunia bukan sekadar memenuhi kemahuan manusiawi, kerana sebahagian manusiawi itu adalah ujian dari Allah SWT.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2021. No Geran: 2021/P/GPIK/GPP-001, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembentukan Modul Istitabah Bagi Pemulihan Akidah Penganut Syiah di Malaysia'.

References

- Abdul Rahman al-Sabuni. (1972). *Nizam al-Usrah Wa Hallu Musykilatiha*. Mesir: T.P, hal. 30.
- Abdul Rahman al Jaziri. (t.t). *Al-Fiqh 'Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*. Juz. IV. Beirut: Dar al - Fikr, hal. 1-3.
- Abu Zuhrah, Muhammad. (1957). *Al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. cet. 3, Cairo: Dar al-Fikr al-'Arabi, hal.18.
- Abu Malik Kamal. (2007). *Fiqh Sunnah*. Jakarta: I'tishom Cahaya Umat.
- Al-Hulliy, Ibni al-Hassan. (t.t). *al-Mukhtasar an-Nafi' fi Fiqh al-Imamiyah*. Darul Kitab al-Arabi: Mesir.
- Allamah Sayyid Husayn Tabata'i. (t.t). *Temporary Marriage in Islam*. Qom: Imam Sadiq Press.
- Amir Syarifuddin. (2006). *Hukum Perkawinan Islam di Indonesia antara Fiqih Munakahat dan Undang-undang Perkawinan*. 201.
- A.W. Munawwir. (2002). *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia Terlengkap*. cet. XXV, Surabaya: Pustaka Progressif, hal. 1461.
- Khomeini, Ayatullah Ruhullah. (1977). *Tauzih al-Masail*. Tehran: Iran.
- Mat Saad Abd. Rahman. (1993). *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan, Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam: HIZBI SDN. BHD., hal. 17.
- Muhammad Jawad Mughniyah. (2004). *Fikih Lima Mazhab*. Terjemah Masykur, dkk. Jakarta: Lentera, h. 466.
- Rahman Ghazaly, Abd. (2003). *Fiqh Munakahat*. Cet. II; Jakarta: Kencana, 201-205.
- Shahla Hairi. (1996). *Al-Mut'ah az-Zawwaj al-Muaqqat*. Cetakan 7, Beirut: Lubnan.
- Sayyid Husayn Imami. (1974). *Huquqi madani*.
- Sulaiman Rasjid. (1997). *Fiqh Islam*. Bandung: Sinar Baru Algensindo, h. 414.
- Taqiyul Hakim. (1963). *Az-Zawwaj al-Muaqqat wa Dawruhu fi Halli Musykilat al-Jins*. Darul Andalus: Beirut.
- Teungku Muhammmad Hasbi Ash Shiddieqy. (1997). *Hukum-hukum Fiqh Islam*. PT Pustaka Rizki Putra: Semarang, hal 222.
- Wahbah Zuhaili. (2001). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan Ahmad Syed Hussain. Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. Vii, Selangor, h.579.